



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**ISNIN / 24 DISEMBER 2018**

- 1. MOA SEKAT MASUK CILI BERACUN**
  - **SINAR HARIAN**
- 2. KEMASUKAN CILI IMPORT DIPERKETAT**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 3. PASAR RAYA JUAL CILI BERACUN DARI VIETNAM**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 4. POTENSI PERTANIAN DI ANGKASA LEPAS**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 5. JALI KERJASAMA DENGAN MARDI**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 6. ZHRAN BERJAYA TERNAK IKAN DALAM SANGKAR PADA MUSIM  
TENGGUJUH**
  - **KOSMO**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**

**( MADA )**

# KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 24 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

## MOA sekat masuk cili beracun

**Pertingkat kawalan di pintu masuk, gantung permit import cili dari Vietnam**

NURALINA HASSAN

BAKRI

**K**ementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya patahkan cubaan seludup cili dari

Vietnam seberat 42,750kg. Menteri Maqis, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kesemua cili disyaki beracun itu ditahan dalam tiga buah kontena di pintu masuk Pelabuhan Klang, Isnin lalu.

Beliau berkata, kesemua cili yang dibawa bersama buah naga itu dikesan tidak mempunyai dokumen sah, selain gagal dapatkan kebenaran dan permit import.

"MOA melalui Maqis akan melipat ganda usaha memastikan periyeludupan cili khususnya dari Vietnam ini terkawal.

"Seperti dalam kes terbaharu pada 17 Disember, Maqis berjaya menahan tiga buah kontena mengandungi cili



Salahuddin menyampaikan kelengkapan sekolah kepada murid di Dun Simpang Jeram, semalam.

Vietnam yang dibawa bersama buah naga.

"Berdasarkan pemeriksaan, setiap sebuah kontena itu dianggarkan membawa cili

seberat 14,250kg. MOA telah mengambil tindakan kerana selagi mana bahan makanan ini tidak berada di pasaran, ia menjadi tanggungjawab kita.

Namun sebaik dijual, ia adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika Program Back To School Dun Simpang Jeram di Dewan Tun Dr Ismail, Jalan Pesta, di sini, semalam.

Salahuddin yang juga Adun Simpang Jeram berkata, bagi memastikan keberkesanan pihak kerajaan dalam menanganai isu perijualan cili beracun ini, MOA akan memperkukuhkan kerjasama dengan pihak KKM dan kastam.

"Setiap agensi akan tentukan peranan mereka sebab kita nak pastikan cili import ini tiada bahan perosak.

"MOA juga ambil dua langkah iaitu gantung sementara permit import cili dari Vietnam sejak September dan tingkatkan usaha kesan cubaan untuk seludup cili di pintu masuk Malaysia," katanya.

**ISU CILI IMPORT BERACUN**

## KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 24 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

---

# Kemasukan cili import diperketat

**MUAR 23 Dis.** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperketatkan kawalan kemasukan cili import yang tidak menepati tahap piawaian kualiti, keselamatan dan peraturan lain yang berkaitan racun perosak di pintu masuk negara, kata Menteriinya Datuk Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, kerajaan telah menggantung import permit cili merah Vietnam sejak 14 September lepas setelah didapati mempunyai sisa racun perosak

melebihi tahap yang dibenarkan namun hasil tani itu dikesan diseludup masuk untuk dijual dalam pasaran negara.

Katanya, sejak penggantungan tersebut, kementerian itu menerusi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Pemeriksaan Malaysia (Maqis) juga bekerjasama dengan Jabatan Kastam dan Kementerian Kesihatan bagi mempertingkatkan kawalan kemasukan serta lambakan cili import di pasaran.

"Terdapat satu kes baharu iaitu pada 17 Disember lepas.

Maqis telah menahan tiga buah kontena di Pelabuhan Klang yang mengandungi cili dari Vietnam, yang dibawa bersama buah naga tanpa dokumen sah dan permit import.

"Berdasarkan pemeriksaan pada kontena terbabit, kuantiti cili yang ditahan adalah sebanyak 14,250 kilogram pada setiap kontena," katanya kepada pemberita selepas program *Back to School* Dewan Undangan Negeri Simpang Jeram, anjuran Agro Bank di sini hari ini. - BERNAMA

# Pasar raya jual cili beracun dari Vietnam

**Eksklusif**

Oleh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB  
utusankedah@utusan.com.my

■ ALOR SETAR 23 DIS.

**B**UKAN di kedai-kedai kecil sebaliknya cili merah dipercayai dari Vietnam turut dikesan dijual di pasar raya-pasar raya besar di sekitar negeri ini.

Dakwa seorang pengusaha cili yang enggan namanya dipaparkan, sejak pendedahan akhbar ini mengenai kemasukan cili import tersebut, dia mengambil inisiatif untuk meninjau sendiri di sekitar pasar raya di negeri ini.

Katanya, para pengguna boleh mengenali cili dari Vietnam kerana fizikalnya yang lebih licin dan pendek berbanding cili tempatan.

"Selalunya cili import ini dijual di pasar-pasar raya dengan harganya yang lebih murah berbanding tanaman tempatan iaitu antara RM5 sehingga RM7 sekilogram.

"Pengguna pula lebih suka membeli barangan pada harga murah tanpa memikirkan risiko yang boleh membahayakan kesihatan.

"Selalunya cili import Vietnam itu diawet dengan bahan pengawet yang juga digunakan untuk mayat, sebab itulah ia tahan lebih lama. Dikatakan ia juga mempunyai kadar penggunaan racun yang tinggi," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Baru-baru ini, akhbar ini menerusi laporan eksklusifnya mendapati masih wujud lam-



SEORANG pengguna menunjukkan cili dipercayai diimport dari Vietnam yang dijual di sebuah pasar raya di Alor Setar, Kedah, semalam.

"Selalunya cili import Vietnam itu diawet dengan bahan pengawet yang juga digunakan untuk mayat, sebab itulah ia tahan lebih lama. Dikatakan ia juga mempunyai kadar penggunaan racun yang tinggi."

**PENGUSAHA CILI**

bakan cili merah dari Vietnam yang dijual di pasaran negara secara berleluasa meskipun kerajaan telah menggantung permit import (IP) sejak 14 Sep-

tember lalu.

Pada 22 Ogos lalu, Laporan Khas *Utusan Malaysia* mendedahkan negara ini menjadi pusat lambakan hasil pertanian eksport negara luar terutama cili merah yang gagal mencapai piawaian negara lain.

Susulan laporan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjalankan pemeriksaan ke atas cili merah Vietnam sebelum didapati gagal ujian Tahap Maksimum Residu (MRL) racun perosak termasuk mengandungi sisa racun diharamkan.

Tambah pengusaha tersebut, selalunya pihak berkuasa gagal mengesan cili dari Vietnam yang dibawa masuk melalui sempadan negara ini berikutan pemborong atau pembekal menipu dengan mendakwa membawa cili import Thailand, yang tidak menjadi kesalihan.

# KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 24 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

“Biji benih tersebut ditanam melalui kaedah 'rock wool' atau menggunakan kapas sebagai tempat tumpungan air. Ini kerana sifat di angkasa lepas tidak dapat menampung air melalui kaedah biasa kerana tiada graviti.”



MESIN Climate yang digunakan dalam simulasi pada tahap graviti.



EXPERIMEN memili perkembangan tanaman kacang Azuki atau dibenih sebagai kacang merah di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).



EXPERIMEN memili perkembangan tanaman kacang Azuki atau dibenih sebagai kacang merah di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

**R**UANG angkasa yang terbentang luas bukan sahaja penuh dengan bintang, malah saintis-saintis di sini melihatnya sebagai makmal terbuka yang perlu dimanfaatkan. Ini kerana kajian dari kajian mengenai angkasa lepas telah dimanfaatkan dalam bidang pertanian melalui perkembangan teknologi, kejuruteraan dan sains. Sejak 2010, Agensi Angkasa Negara (Angkasa) melancarkan beberapa kajian dan eksperimen mengenai pertanian di angkasa lepas. Kajian dilakukan dengan kerjasama pihak antarabangsa seperti Jepun di bawah Agensi Penerbangan Angkasa Lepas Jepun (JAXA) membolehkan Malaysia menggunakan kemudahan pesawat canggih di Mission Angkasa Antarabangsa (ISS). Kelembahan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang aktif

## Potensi pertanian di angkasa lepas

**OH AQLAH Mior KAMARULBAID** aqlah.mka@malay.gov.my

dalam Jawatankuasa Asian Beneficial Collaboration through Kibo Utilization (Kibo-ABC) juga menjadi "pemudah cara" bagi merobeskan lebih banyak kajian dilaksanakan di ruang angkasa. Kibo-ABC merupakan modul

eksperimen milik Jepun di ISS yang banyak membantu penyelidik dari saintis tempatan memajukan kajian ke angkasa lepas. Menurut Penyelidik Kanan Angkasa, **Mohd. Helmy Hashim**, beberapa kajian yang dilakukan termasuk menghantar 500 gram biji benih cili pada 2010 dan biji benih kacang merah pada 2013 berjaya membuktikan ruang angkasa boleh dimanfaatkan

untuk sebagai kajian terutama dalam penanaman. Ini kerana, kekuatan gravitinya yang terlalu rendah menyediakan persekitaran sesuai bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi melihat perubahan dalam percambahan



**MOHD HELMY HASHIM**

tumbuhan. Eksperimen menghantar biji benih cili varieti MC11 ke ISS melihat perubahan percambahan biji benih cili setelah ketiadaan graviti selama empat bulan. "Selepas empat bulan di ruang angkasa, biji benih cili itu diagihkan ke sekolah di seluruh negara untuk melihat potensi pembesarnya, namun tidak dapat diperbaiki dengan biji benih cili biasa. Eksperimen tersebut dijalankan oleh pelajar sekolah dalam mata pelajaran Sains," katanya. Sementara itu pada 2013, Angkasa sekali lagi menjajal kerjasama dengan Kibo-ABC dan menghantar biji kacang merah ke angkasa lepas selama sebulan. Namun, eksperimen kali ini bagi mendapatkan data percambahannya. "Biji benih tersebut ditanam melalui kaedah 'rock wool' iaitu menggunakan kapas sebagai tempat tumpungan air. Ini kerana sifat di angkasa lepas tidak dapat menampung air memenui kaedah biasa kerana tiada graviti. "Kemudian data itu akan dikongsi di sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Dalam masa sama, biji benih kacang panjang juga ditanam menggunakan peralatan uji kaji yang sama di bumi. "Tujuan dua kajian tersebut dilaksanakan serentak bagi melihat perbezaan dari segi komposisi percambahan seperti arah akar, kadar percambahan, lebar daun, sifat morfologi tumbuhan dan zat seperti nutrien" ujarnya.



BENIH yang dibawa ke ISS perlu melalui proses yang ketat.



CORONG biji cili tempatan yang pernah dibawa ke ISS sebelum ini.

# KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 24 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN



MALAYSIA peserta terlibat dalam eksperimen tanaman cilj yang dibawa ke ISS



PERCABAHAN cilj dipantau di bumi selepas dibawa dari ISS

## Jalin kerjasama dengan MARDI

**M**ENYORONG inisiatif pembabitn Malaysia dalam penyelidikan di angkasa lepas, Angkasa menjalin kerjasama bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dalam penyelidikan berkaitan padi di angkasa lepas.

Walaupun penglibatan Malaysia dalam penyelidikan di angkasa lepas masih kurang, namun pelbagai usaha dilaksanakan agar negara tidak ketinggalan dalam bidang sains.

Sehingga kini, Angkasa bersama MARDI sedang menjalankan eksperimen melihat kadar percambahan padi di ruang angkasa.

Menurut Mohd. Helmy Hashim, kekadang yang dijalankan adalah simulasi di bumi melihat mesin Clinostat, iaitu alat yang mampu menjadikan persekitaran tanpa graviti.

"Peranti (Clinostat) ini menggunakan putaran untuk menafikan kesan tarikan graviti terhadap pertumbuhan tumbuhan (gravitropisim) dan pembesarannya (gravimorfisim)."

"Kajian ini bagi melihat sifat padi, rintangan terhadap penyakit, kadar pertumbuhan, nilai tuai dan ketahanan terhadap beberapa generasi sesuatu varieti."

"Kami juga berhasrat menyediakan padi merupakan komponen penting dalam pemakanan harian penduduk Malaysia. Jika berjaya sudah pastinya Malaysia akan terus maju serta tidak akan berlaku krisis makanan seperti kekurangan beras pada masa

**“**Kajian ini bagi melihat sifat padi, rintangan terhadap penyakit, kadar pertumbuhan, nilai tuai dan melihat ketahanan terhadap beberapa generasi sesuatu varieti

akan datang.

"Ini sekali gus meningkatkan pendapatan negara apabila Malaysia mampu mengimport lebih banyak beras ke luar negara," jelasnya.

Kerjasama tersebut masih diteruskan dalam mencari varieti padi yang sesuai dan berpotensi besar untuk dibawa ke angkasa.

"Jika kami berjaya menjumpai varieti padi yang sesuai sudah pastinya peluang untuk membuat kajian di ISS lebih besar," ujarnya.



PERCABAHAN padi dipantau

Projek berkenaan mendapat peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) manakala MARDI turut mendapat peruntukan bagi menjalan penyelidikan pada tempoh yang sama.

Tidak berhenti di situ, Angkasa merancang menghantar beras seperti daun selasih ke ISS bagi tujuan penyelidikan dan pendidikan pada masa akan datang.

Pun begitu, pihaknya perlu mengantar cadangan tersebut ke JAKA terlebih dahulu untuk melihat kepentingan, objektif dan potensi penyelidikan itu.

"Keterbukaan JAKA terhadap Malaysia membuka peluang yang lebih besar kepada negara untuk sentiasa menjalankan penyelidikan berkaitan angkasa lepas sekali gus menteraju pembangunan sektor angkasa yang menyumbang kepada kestabilan dan daya saing negara," katanya lagi.



PROJEK tanaman padi yang dibangunkan melalui simulasi

### INFO

#### Objektif Bahagian Sains Angkasa

- Merancang, mempelopori, mengurus, melaksana, menyelaras dan mengawal selia program penyelidikan dan pembangunan serta aktiviti berkaitan sains angkasa di Malaysia.
- Berperanan sebagai hub rujukan dan hubungan berkaitan bidang sains angkasa di peringkat nasional kepada institut penyelidikan, agensi kerajaan dan swasta.

#### Fungsi Bahagian Sains Angkasa

- Merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang sains angkasa seperti astronomi, astrofizik, mikrogavit, fizik angkasa (atmosfera), cuaca angkasa serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan sains angkasa yang boleh

menyokong program pembangunan teknologi dan aplikasi angkasa.

- Memberi perkhidmatan konsultasi, kepakaran, latihan dalam bidang cuaca angkasa, pejakan objek asing dan fasiliti pencapaian.
- Merancang dan menyelaras pembaikan infrastruktur dan kepakaran tempatan dalam bidang sains angkasa.
- Menyelaraskan dan menguruskan aktiviti pengoperasian Observatori Negara Langkawi (LNO).
- Merancang, menyelaras, mengurus dan mengawal selia aktiviti pengantaran dan penyelidikan oleh pakar tempatan di ISS untuk Malaysia.
- Menjadi Focal Point bagi semua kerjasama antarabangsa berkaitan sains angkasa seperti Kerjasama Astronomi Antarabangsa (IAA).

# KERATAN AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 24 DISEMBER 2018

PERKARA : PERIKANAN

## Zahran berjaya ternak ikan dalam sangkar pada musim tengkujuh

### Diari Usahawan Berjaya

**TEMERLOH** - Ketibaan musim tengkujuh sering kali memberi kesan kepada operasi pengusaha industri perikanan di kawasan Pantai Timur, baik nelayan laut mahupun nelayan darat.

Risiko hujan lebat boleh mengakibatkan banjir dan sekali gus menyebabkan penternak ikan sangkar termasuk di sepanjang Sungai Pahang di sini menghentikan sementara operasi lantaran tidak sanggup menanggung kerugian.

Namun bagi Muhammad Zahran Ishak, 30, operasi ternakan ikan sangkar miliknya di Sungai Pahang bawah syarikat MZ Agriculture tetap berjalan seperti biasa meskipun pada musim tengkujuh.

Beliau yang mengusahakan 140 sangkar yang memelihara ikan patin, baung, tilapia, krai dan lampam berkata, strategi baharu perlu dicari untuk meneruskan aktiviti memelihara ikan pada musim tengkujuh kerana permintaan pasaran terus meningkat.

"Kami perlu berse-



**ZAHRAN** melepaskan benih ikan di kolam ternakannya di Jalan Triang, Temerloh baru-baru ini.

dia memenuhi lonjakan permintaan pada bulan Ramadan yang bermula awal Mei depan.

"Pada musim tengkujuh, ada pengusaha yang terpaksa mengangkat sangkar mereka dari sungai untuk disimpan.

"Ini kerana bimbang jika ia dihanyut atau rosak dilanggar kayu bersaiz besar yang hanyut dari hulu dibawa arus deras selain risiko ikan mati," katanya kepada *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Muhamad Zahran menerangkan, pengusaha terpaksa berani mengam-

bil pendekatan tersebut untuk membolehkan ikan terus membesar kerana kebiasaannya mengambil masa untuk membesar iaitu dalam lingkungan tujuh hingga lapan bulan.

"Sekiranya selepas selesai musim tengkujuh, iaitu penghujung Januari baru kami beroperasi semula maka sudah tentu, ikan tidak sempat untuk membesar dan boleh dijual pada bulan puasa ini, jelasnya," ujar beliau.

Belajar daripada pengalaman lalu, kerugian yang dihadapinya iaitu kira-kira RM500,000 apabila sangkar

ikannya rosak teruk akibat banjir telah memberi pengajaran besar buat Muhamad Zahran.

Ketika itu, pada tahun 2014 perniagaan MZ Agriculture sedang berkembang maju dengan memiliki sebanyak 320 sangkar ikan pelbagai jenis.

"Ketika itu saya masih muda dan tidak kenal erti risiko bencana alam dan sebagainya sehingga berani mengembangkan operasi terlalu pesat.

"Bagaimanapun, setahun kemudian, Temerloh dilanda kemarau teruk hingga mengakibatkan air Sungai Pahang menjadi terlalu cetek dan banyak ikan mati.

"Ramai pengusaha ikan sangkar di sini yang tidak mampu bangkit semula susulan dua peristiwa tersebut," katanya.

Menurut Zahran, sehingga kini, pihaknya mampu menjual antara enam hingga tujuh tan ikan sebulan, termasuk daripada sangkar penternak lain yang mengusahakannya secara sambilan.

"Ia bagaimanapun hanya cukup untuk menampung permintaan di Temerloh, kebanyakannya ia tidak sempat masuk ke pasaran luar seperti Kuala Lumpur," jelasnya.